

Pengumpulan Modal oleh Orang Cina di Pulau Pinang (1820-1867): Satu Tinjauan dari Aspek Aset, Potensi dan Peluang

Capital Accumulation by the Chinese in Penang (1820-1867): A Review from the Aspects of Assets, Potential and Opportunities

TAN SOON CHIN & ADNAN JUSOH

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan kepada pengumpulan modal oleh orang Cina pada tempoh perkembangan pembangunan Pulau Pinang di bawah penguasaan British, 1820-1867. Faktor dari segi aspek aset diri dan kaum, potensi yang ditawarkan oleh aktiviti ekonomi kawasan dan peluang yang diperolehi serta rangkaian ekonomi yang diwujudkan dikemukakan di sini sebagai penyumbang kepada keupayaan tersebut. Menurut Porter dan Fiske (1935), modal merujuk kepada kekayaan fizikal. Namun perbincangan artikel ini melibatkan juga modal dalam bentuk modal insan dan bukan fizikal. Dibahaskan di sini sejauh mana setiap satu aspek dan secara kolektifnya membolehkan orang Cina di Pulau Pinang mengumpul modal, sama ada secara sah atau haram, melalui lapangan keluaran dan lapangan tukaran. Kepentingan penelitian ini adalah bagi menelusuri akar umbi kepada penguasaan bidang ekonomi masyarakat Cina di Malaysia amnya dan di Pulau Pinang khususnya. Pembuktian diperolehi dari rekod dan dokumen yang terdapat di perpustakaan, arkib dan rumah persatuan Cina. Penelitian ini menerapkan kaedah tafsiran sejarah dengan analisisnya menggunakan beberapa ilmu bantu sejarah. Hasil kajian mendapati aspek aset diri dan kaum sangat dominan, namun sumbangan aspek lain seperti potensi diri dan peluang yang wujud di sekitar Pulau Pinang juga penting dalam mengupayakan orang Cina Pulau Pinang mengumpul modal. Kejayaan Koh Lay Huan di Pulau Pinang bersama dengan rakan perniagaannya Khaw Soo Cheang di Ranong, misalnya dapat dikaitkan dengan faktor aset diri, potensi ekonomi setempat dan peluang yang diberikan oleh rakan perniagaan dan Raja Mongkut di Thailand. Manakala faktor potensi dan rangkaian aktiviti ekonomi terutamanya dalam pemajakan cukai, di samping peranan British telah memberikan peluang besar kepada orang Cina di Pulau Pinang untuk meningkatkan keupayaan mereka mengasaskan kejayaan dalam lapangan keluaran dan pertukaran yang berterusan.

Kata kunci: Pengumpulan modal; orang Cina; Pulau Pinang; aset; potensi

ABSTRACT

This article focuses on the capital accumulation by the Chinese in Penang during the development period under the British control, 1820-1867. Factor in terms of personal asset, racial factors helped by the potential of the region's economic activities and opportunities, and also the extend of economic networks presented here as a contributor to these capabilities. According to Porter and Fiske (1935), capital refers to physical wealth. The discussion of this article also involves capital in the form of non-physical and human capital. Debated here how each aspect and collectively enable the Chinese in Penang raise capital, either legally or illegally, through the field of production and exchange. The importance of this study is to determined the grassroots to control the economy of the Chinese community in Malaysia especially Penang in general and particular. Proof is obtained from the records and documents available in libraries, archives and Chinese associations. This study applies the rules of interpretation of history with the analysis using several auxiliary science of history. Results of the study shows that the assets and the family are very dominant, but the contribution of other factors such as potential and opportunities that exist in Penang are also important in enabling the Chinese in Penang to accumulate capital. Koh Lay Huan success in Penang along with his business partner-Khaw Soo Cheang of Ranong, can be attributed to factors such as personal assets, local economic potential, opportunities offered by business partners and King Mongkut of Thailand. While the potential and range of economic activities, especially in taxes leasing, as well as the role of British had a great chance to increase the ability of the Chinese in Penang founded their success in the field of sustainable production and exchange.

Keywords: Capital accumulation; Chinese; Pulau Pinang; assets; potential

PENDAHULUAN

Orang Cina merupakan salah satu kaum yang menyumbang kepada pembangunan Pulau Pinang sejak awal abad ke-19 lagi. Permulaan kehadiran mereka di pulau itu menyebabkan mereka mempunyai hasrat yang tinggi untuk mengumpul modal selaras dengan impian datang ke Nanyang untuk mencari kekayaan. Keinginan mengumpul modal diteruskan sejak permulaan kedatangan mereka sehingga hari ini. Situasi di Pulau Pinang pada peringkat awal iaitu pembukaan Pulau Pinang sememangnya menggalakkan kemasukan orang Cina secara besar-besaran. Hal ini kerana mereka memerlukan tenaga manusia yang ramai untuk membangunkan kawasan Pulau Pinang.

Selain itu, tiga faktor utama iaitu faktor aset sosial, potensi dalam diri mereka serta peluang yang tersedia di Pulau Pinang. Di samping itu terdapat juga peluang yang diberikan oleh penguasa tempatan telah menggalakkan orang Cina di Pulau Pinang cuba memulakan kerjaya masing-masing di situ. Matlamat asal kedatangan semua orang Cina adalah sama iaitu ingin mengumpul kekayaan dan membawa wang yang banyak untuk kembali ke kampung halaman masing-masing di negara China.

LATAR BELAKANG

Orang Cina merupakan kaum yang menjadi aset penting kepada pembangunan Pulau Pinang pada tahun 1820-1867. Tempoh ini juga dikenali sebagai tempoh perkembangan dan memperlihatkan perkembangan pengumpulan modal oleh orang Cina. Bilangan orang Cina yang mengumpul modal adalah ramai pada tempoh ini berbanding tempoh sebelumnya. Hal ini kerana kebanyakan Singkeh pada masa itu telah mendapat pembebasan daripada majikan mereka. Mereka mula mencari peluang baru dengan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang menjadi pilihan hati masing-masing. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka berhasrat untuk melibatkan diri dalam bidang perdagangan kerana bidang tersebut merupakan suatu bidang yang mendatangkan pendapatan lumayan.

Pada tahun 1834, John Davis yang pernah tinggal hampir 20 tahun di Nusantara telah menggambarkan orang Cina di Pulau Pinang sebagai peniaga yang berdaya usaha dan memahami sifat perdagangan di negara yang mereka menetap (Nik Hasnaa Nik Mahmood 1997). Menurut

Crawfurd, iaitu bekas Residen Singapura, beliau mengemukakan pendapat dalam soal selidikinya di mana orang Cina merupakan penduduk yang minat terhadap perniagaan serta rajin berusaha (Nik Hasnaa Nik Mahmood 1997). Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa orang Cina sememangnya merupakan golongan yang bergiat aktif dalam bidang perdagangan sejak dari dulu lagi. Keupayaan, kerajinan, kemahiran dan kesungguhan mereka telah dimanfaatkan oleh British. Sehubungan itu, mereka berpeluang melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Penglibatan mereka tidak terhad di Pulau Pinang sahaja sebaliknya mempunyai rangkaian dengan kegiatan ekonomi di kawasan sekitar. Faktor ini telah memberi peluang kepada orang Cina untuk membangunkan modal dan harta untuk menjamin masa depan mereka supaya dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Sehubungan dengan itu, artikel ini cuba membahaskan sejauh mana faktor aset menjadi faktor dominan yang memberi peluang kepada orang Cina untuk mengumpul modal di Pulau Pinang. Artikel ini juga akan membincangkan sejauh mana kombinasi ketiga-tiga faktor iaitu aset, potensi dan peluang yang ada di sekeliling berkait antara satu sama lain sehingga menyumbang kepada pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang. Di samping itu, perbincangan terhadap cara pengumpulan modal sama ada secara halal atau tidak halal melalui lapangan keluaran dan lapangan tukaran dapat menjelaskan persoalan tersebut. Seterusnya, perdagangan yang paling diminati oleh orang Cina di Pulau Pinang akan mendedahkan sama ada mereka memulakan perdagangan dengan menggunakan modal yang dikumpul oleh mereka sendiri atau melalui pinjaman modal dengan orang lain. Pelaburan dalam perdagangan biasanya dilakukan oleh orang Cina yang kaya dan mempunyai hubungan yang baik dengan pihak penjajah.

KONSEP ASAS TENTANG MODAL

Modal merupakan salah satu sumber yang penting untuk menghasilkan modal yang lebih banyak. Modal selalunya dihuraikan sebagai suatu bentuk harta fizikal yang berfungsi untuk meneruskan sesuatu pengeluaran. Pembentukan modal bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana melibatkan jangka masa dan usaha yang lama. Perkembangan ekonomi juga amat bergantung pada modal. Tanpa modal, sesuatu kegiatan ekonomi tidak dapat

melangkah ke arah yang lebih jauh dan hanya dapat berada dalam keadaan statik sahaja. Menurut Bauer dan Yamey (1957), pertumbuhan ekonomi ditemani oleh semangat perusahaan yang tinggi, pembentukan modal, teknik pengeluaran yang lebih baik, peningkatan dalam kualiti ekonomi serta kapasiti pekerja dan pengurus.

Modal juga selalu dikaitkan dengan harta. Harta secara umumnya boleh dikatakan sebagai sesuatu barang yang dimiliki oleh kita sama ada bernilai ataupun tidak. Secara tradisinya, para ahli ekonomi menghuraikan modal dalam maksud harta fizikal (*physical assets*) yang berguna untuk meneruskan pengeluaran. Sementara itu, terdapat pula pandangan untuk meluaskan definisi modal bagi melibatkan "kebolehan manusia" sebagai satu bentuk modal juga. Modal boleh berupa dalam bentuk harta fizikal iaitu dalam bentuk wang (*money capital*), bentuk tetap (*constant capital*), bentuk variabel (*variable capital*), bentuk perdagangan/perniagaan (*commercial capital*), bentuk laba/riba (*usury capital*), bentuk bahan pengeluaran (*productive capital*) dan dalam bentuk hasil pengeluaran atau komoditi. Modal itu sendiri mempunyai hubungan sosial iaitu hubungan sosial yang terlibat dalam perkembangan diri nilai, pengeluaran, pengagihan dan pengumpulan nilai lebih. Modal dalam perkembangan nilai diri pada dasarnya adalah satu proses di mana memproses semula nilai dan menghasilkan nilai baru. Hubungan sosial yang merupakan ibu turut menganggap dan melepaskan seperti dalam bentuk wang pakaian, modal yang produktif dan komoditi (Ben Fine & Laurence Harris 1979).

Everett E. Hagen menyatakan pembentukan modal sering dianggap sebagai proses segera yang bertanggungjawab untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi dalam pengeluaran per kapita dan pendapatan dalam masyarakat, tetapi jelas bahawa pembentukan modal adalah penting kerana ia adalah syarikat penerbangan atau ejen dan kemajuan teknologi (B. H. Higgins 1959). Sementara itu, Kamus Dewan edisi keempat menjelaskan wang ialah harta benda yang dipergunakan sebagai pangkal atau pokok untuk berniaga (menghasilkan sesuatu yang menambah kekayaan dan lain-lain). Menurut Clower, wang boleh membeli barang-barang dan barang-barang boleh ditukar dengan wang, tetapi barang tidak boleh membeli barang-barang (R. W. Clower 1967). Pendek kata, harta merupakan barang-barang berharga (seperti rumah, tanah, barang-barang kemas, dan lain-lain) yang dipunyai oleh seseorang (syarikat, pertubuhan, dan lain-lain).

Secara umumnya, harta dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu harta persendirian dan harta perkongsian. Harta persendirian bermaksud seseorang individu memiliki sesuatu tanpa melibatkan perkongsian dengan orang lain. Harta persendirian berupa gaji, upah kemahiran, kenderaan, rumah kediaman, hadiah daripada orang lain, harta peninggalan atau sebagainya. Menurut hukum syariat, harta jenis persendirian adalah milik individu dan mereka boleh menguruskannya mengikut kehendak masing-masing. Seterusnya, harta perkongsian merujuk kepada harta syarikat dan harta yang dikongsi bersama. Harta syarikat bermaksud beberapa orang mengeluarkan modal untuk menubuhkan satu syarikat dengan nisbah modal yang sama dari beberapa pihak. Selain itu, harta perkongsian juga boleh berupa sebuah rumah apabila suami dan isteri berpakat membina rumah dengan tanah dari isteri dan rumah dibiayai oleh suami. Biasanya harta perkongsian memerlukan persetujuan semua pemiliknya apabila membuat sesuatu keputusan seperti hendak menjual atau melakukan perubahan ke atas sesuatu harta.

KEUPAYAAN PENGUMPULAN MODAL OLEH ORANG CINA DI PULAU PINANG

Terdapat tiga cara pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang iaitu melalui aset, potensi dan peluang.

ASET

Golongan Singkeh yang selesai bekerja selama 12 bulan untuk melangsaikan hutang tambang biasanya akan mendapat wang daripada pekedai. Pengumpulan modal oleh golongan Singkeh dikaitkan dengan faktor modal kerana mereka menggunakan wang yang diterima daripada majikan terdahulu untuk memulakan sesuatu aktiviti ekonomi yang baru. Biasanya, mereka akan membersihkan sebidang tanah di kawasan hutan dan menanam pokok pisang dan nila pada peringkat awal, kemudian diteruskan dengan menanam gambir dan lada. Pulangan hasil penanaman biasanya adalah lambat. Oleh itu, mereka terpaksa menjual tanah mereka untuk membayar pemiutang. Kebiasaannya, tanah ini dibeli oleh orang Hokkien. Kebanyakan tanaman yang dimiliki oleh orang Hokkien diusahakan oleh orang Kantonis dan Teow Chiu. Selain itu, orang Hokkien juga bekerja sebagai

tukang jahit, pekedai, pedagang, mengusahakan rumah judi dan menjadi orang yang kaya antara semua suku orang Cina. Sebaliknya, orang Teow Chiu lebih minat dalam berniaga terutama dalam menghasilkan gambir dan lada. Oleh itu, jelas bahawa aset yang dimiliki oleh orang Cina ini iaitu kemahiran telah membolehkan mereka menjalankan kegiatan ekonomi untuk mengumpul modal.

Sebaliknya, terdapat sebahagian orang Cina menggunakan duit yang dikumpul untuk melabur dalam perniagaan kecil. Kebiasaannya mereka menetap di Pulau Pinang dengan harapan dapat memperoleh keuntungan yang lebih banyak pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, modal yang dimiliki oleh kebanyakan orang Cina pada peringkat awal adalah sedikit berbanding dengan orang Cina yang berasal dari Negeri-negeri Selat. Berkat kesabaran dan ketabahan, matlamat untuk mengumpul kekayaan akhirnya mereka menjadi saudagar yang kaya di Singapura dan Pulau Pinang di mana mereka mempunyai tanah sendiri (L. A. Mills 1966).

POTENSI

Dua individu yang menjadi tokoh penting di dalam usaha pengumpulan modal oleh Cina di Pulau Pinang ialah Che Kay dan Khaw Soo Cheang. Misalnya Che Kay juga meneruskan usaha pengumpulan modal di Pulau Pinang dengan melibatkan diri dalam perdagangan namun beliau telah meninggal dunia pada tahun 1826. Sebelum meninggal dunia, Che Kay menggunakan modal yang berlebihan untuk meluaskan perdagangannya dengan mengadakan kerjasama serantau dengan beberapa orang tokoh Cina, misalnya dengan Khaw Soo Cheang di Ranong. Potensi iaitu kemahiran berniaga serta sifat peribadi Khaw Soo Cheang yang jujur dan bertindak pantas dalam melakukan sesuatu pekerjaan telah membuka peluang kepada beliau untuk memulakan kerjaya yang besar di Ranong. Potensi ekonomi di Ranong semakin terserlah apabila Raja Mongkut telah menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat perdagangan yang terkenal. Hal ini sememangnya membuka peluang yang besar kepada Che Kay dan Khaw Soo Cheang bersama-sama untuk mengaut keuntungan melalui aktiviti perdagangan. Che Kay memilih untuk bekerjasama dengan Khaw Soo Cheang disebabkan potensi dirinya yang mempunyai kemahiran berniaga, memiliki aset serta mempunyai hubungan baik dengan pihak pemerintah Thailand.

Khaw Soo Cheang yang berasal dari daerah Fukien telah datang ke Pulau Pinang pada tahun 1822. Beliau berhasrat untuk memulakan suatu perniagaan keluarga yang besar di Pulau Pinang dan Selatan Thailand. Semasa berada di Pulau Pinang pada usia yang muda, Khaw Soo Cheang bekerja sebagai seorang buruh dan pengedar buah-buahan dan sayur-sayuran. Dengan berbekalkan simpanan, beliau menggunakan modal yang dimiliki untuk membeli tanah dan memulakan perniagaannya di Pulau Pinang dan Malaya (Nordin Hussin 2007). Beliau seterusnya juga berjaya memperoleh tanah dan memulakan perdagangan di pelabuhan pantai barat, kawasan selatan Thailand. Hubungan yang baik dengan peniaga wanita yang kaya di Phangnga telah mencipta peluang kepada beliau untuk memulakan perdagangan yang lebih besar kerana wanita tersebut amat tertarik dengan kemahiran berniaga Khaw Soo Cheang (Jennifer W. Cushman 1992).

Seterusnya, Khaw Soo Cheang berpindah ke Ranong pada tahun 1824 (Phuket Gazette 2013). Beliau cuba membeli sebuah bot untuk membeli barang dari Pulau Pinang dan memasarkan barangan itu di sepanjang pelabuhan pantai dari Phangnga ke Ranong. Khaw Soo Cheang kemudian mencuba nasib dalam bidang perlombongan bijih timah kerana berpendapat bahawa bidang tersebut dapat membawa keuntungan yang besar. Modal yang berlebihan telah digunakan olehnya bagi mendapatkan tawaran tanah untuk memonopoli bijih timah di Ranong dan memperoleh hak untuk mengutip cukai. Pada tahun 1854, beliau mendapat gelaran 'Gabenor' disebabkan oleh peribadi yang jujur dan pantas dalam menghantar cukai ke Bangkok. Pada tahun 1862, Raja Mongkut telah mengurniakan beliau sebagai bangsawan berpangkat kedua tinggi dan menjadikan Ranong sebagai pusat pedagang yang terkenal. Anaknya, Khaw Sim Bee pula dilantik menjadi 'Pesuruhjaya' penguasa Monkton Phuket (Salma Nasution Khoo 1993). Di Pulau Pinang pula, Khaw turut memiliki perdagangan yang besar termasuk *Eastern Shipping Company*, *Eastern Smelting Company* dan *Eastern Trading Company*. Sepanjang hidup Khaw, beliau dikatakan mempunyai hubungan perdagangan dengan Che Kay dan pemimpin Siam iaitu Na Nakhons di Ranong (Nordin Hussin 2007). Hubungan ini telah membantu beliau mengembangkan hubungan perdagangan dengan orang Cina di Pulau Pinang dan selatan Thailand.

PELUANG

Keupayaan orang Cina mengumpul peluang pada tempoh ini juga dipengaruhi oleh faktor peluang yang wujud di Pulau Pinang. Potensi dari segi pasaran dan bilangan orang Cina yang ramai telah membuka peluang kepada pedagang Cina untuk mengusahakan rumah candu, judi, arak dan pelacuran. Aktiviti hiburan ini mendapat permintaan yang tinggi serta menarik perhatian golongan Singkeh kerana mereka berasa sunyi di tempat baru. Pedagang Cina di Pulau Pinang juga bijak menggunakan peluang untuk mengumpul modal iaitu menjalankan perdagangan manusia. Mereka yang diperdagangkan rata-rata terdiri daripada wanita untuk dijadikan sebagai pelacur di rumah pelacuran.

Selain daripada itu, peluang yang diberikan dalam kalangan orang Cina sendiri juga mempengaruhi keupayaan orang Cina mengumpul modal. Orang Cina yang mengusahakan pertanian memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk mengerjakan tanah mereka supaya dapat meningkatkan hasil pertanian. Selain itu, tempoh perkembangan juga memperlihatkan peranan kesukuan turut mendukung

keupayaan pengumpulan modal dalam kalangan orang Cina. Tauke Cina memiliki tanah yang banyak dan memerlukan tenaga manusia yang ramai untuk mengusahakan tanah mereka. Biasanya, mereka akan mengutamakan golongan Singkeh yang berasal dari suku yang sama dengannya disebabkan wujud hubungan persaudaraan yang erat dalam kalangan suku itu. Mereka akan saling menolong serta memberikan peluang pekerjaan yang sedia ada kepada orang Cina yang sesuku terlebih dahulu dan diikuti oleh orang Cina yang berlainan suku. Semakin ramai pekerja yang digunakan, semakin banyak hasil pertanian yang diperlukan.

AKTIVITI PENGUMPULAN MODAL DI PULAU PINANG

Orang Cina biasanya akan bekerja sebagai petani dan mendapat upah daripada majikan berdasarkan tempoh bekerja dalam sehari. Pada tahun 1820-an, penanaman lada memerlukan bilangan pekerja sebanyak 438 orang sehari di mana mereka dapat mengerjakan tanah seluas 1, 370 relung. Tanaman lada sememangnya menjadi barangan

JADUAL 1. Jumlah pokok, keluasan tanah, bilangan pekerja serta keuntungan yang boleh diperolehi daripada setiap jenis tanaman di kawasan Pulau Pinang anggaran tahun 1820-an.

	Tanaman	Jumlah Pokok	Jumlah Kawasan (Relung)	Bilangan Pekerja (Sehari)	Jumlah Yang Boleh Diperolehi (Sp \$)
1	Cengkeh	5,000	333.3	140	3,499.65
2	Pala	80,000	533.3	224	11,448.10
3	Kopi	800,000	800	352	2,100.00
4	Lada	1,370,000	1,370	438	126,000.00
5	Durian	4,000	111	17	59,900.00
6	Limau	6,000	40	8	6,000.00
7	Mangga	3,200	21	4	2,132.00
8	Cempedak	8,000	222	55	40,000.00
9	Nangka	6,000	166	35	36,000.00
10	Pisang	17,000	19	3	3,400.00
11	Bacang	4,000	111	17	20,000.00
12	Kelapa	120,000	800	120	60,000.00
13	Pinang	150,000	125	19	4,500.00
14	Tebu	180,000	180	36	5,400.00
15	Sirih	360,000	80	20	27,120.00
16	Padi	-	600	< 2	7,200.00 atau 600 sebulan
	Jumlah	-	5,511	1,490	414,699.75

Sumber: Board's Collections, F/4/958/27166, Prince of Wales Island & c., 1827/8 Collections, No. 9, "Account of the cultivation of the Island", Extract General Letter from Prince of Wales Island, 14 October, 1825.

eksport yang penting bagi negara serantau seperti Jawa, India, dan China. Hal ini kerana tanaman tersebut mendatangkan keuntungan sebanyak Sp \$126,000.00 (Board's Collections 1825). Oleh itu, peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh orang Cina iaitu menjadi petani telah memberi keupayaan kepada orang Cina untuk mengumpul modal.

RANGKAIAN AKTIVITI EKONOMI

Para pedagang di Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam memulakan pengumpulan modal melalui lapangan tukaran seperti membuka rumah hiburan dan pajakan hasil (K. G. Trengonning 1965). Sejak tempoh permulaan iaitu tahun 1780 lagi, pembukaan rumah hiburan seperti rumah untuk penghisap candu, rumah pelacuran dan judi adalah suatu perkara yang biasa. Sebenarnya pembukaan rumah-rumah ini telah diusahakan sejak tahun 1780-an tetapi dalam skala yang kecil berbanding dengan tempoh 1820-an yang mana para pedagang telah mengusahakan rumah-rumah hiburan secara besar-besaran. Oleh itu, pihak kerajaan British telah memberikan kebenaran kepada orang Cina untuk membuka ladang candu, rumah pelacuran, judi dan arak.

PEMAJAKAN CUKAI

Cukai pajakan juga mendatangkan keuntungan yang lumayan sekiranya seseorang pemilik Cina memilikinya. Perkataan "pajak" sering kali digunakan untuk menggambarkan jenis perniagaan tertentu walaupun urusan niaga tersebut berlangsung antara orang Cina dengan orang Cina. Kini, perkataan "pajak" jarang digunakan berbanding dengan semasa abad ke-19 yang merujuk perkataan "pajak" kepada salah satu jenis monopoli yang disewakan oleh kerajaan (Lim Pui Huen 2002). Potensi yang wujud iaitu dasar British telah menyebabkan orang Cina berusaha untuk mendapatkan hak pajakan cukai dengan syarat memberikan jumlah tertentu kepada kerajaan British. Keuntungan yang selebihnya dikira sebagai pendapatan mereka. Hak pajakan cukai ini biasanya melibatkan pajakan cukai bagi candu, arak dan rumah judi. Kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San sering bergaduh dan menimbulkan masalah antara satu sama lain semata-mata untuk mendapatkan hak pajakan cukai yang menguntungkan ini (Mak Lau Fong 1981). Hasil daripada kegiatan candu, judi dan arak telah meningkatkan pendapatan Pulau Pinang.

Candu telah memperoleh hasil sebanyak \$25, 500, rumah judi sebanyak \$25, 800 dan arak sebanyak \$21, 240 (M. Stubbs Brown 1963). Pada abad ke-19, Pulau Pinang dan Singapura telah dikenal pasti berkhidmat kepada perdagangan candu British antara negara India dengan China (Tan Teong Jin et al. 2005).

Faktor potensi juga mempengaruhi keupayaan orang Cina dalam mengumpul modal kerana dasar kerajaan yang tidak mengenakan cukai pertanian terhadap pemilik ladang namun mereka dikehendaki membayar sewa iaitu ladang candu (\$3660), pusat perjudian (\$2640), ladang arak (\$3080), minyak sapi dan ladang babi (\$380), daging babi (\$550), pinang (\$1010), atap (\$210), dan garam (\$475) (Extract of Public Letter from POWI 1806). Secara perbandingan kadar sewa yang dibawa oleh pengusaha Cina kepada kerajaan British di Pulau Pinang adalah seperti di dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Kadar Sewa Yang dibayar oleh Pengusaha Cina kepada Kerajaan British

Bil	Jenis	Kadar Sewa (\$)
1	Ladang candu	3660
2	Pusat perjudian	2640
3	Ladang (kilang) arak	3080
4	Minyak sapi dan ladang babi	380
5	Daging babi	550
6	Pinang	1010
7	Atap	210
8	Garam	475

Sumber: Extract of Public Letter (1806)

Berdasarkan Jadual 2, didapati kadar sewa ladang candu dan ladang arak adalah yang tertinggi dengan \$3000 ke atas, diikuti oleh sewa pusat perjudian dan pinang. Manakala sewa yang terendah ialah minyak sapi dan ladang babi (\$380) dan bayaran sewa atap (\$210). Kesemua sewa ini adalah tinggi tetapi mendatangkan keuntungan yang tinggi kepada pemilik ladang. Kawasan pajakan ini boleh disewa kepada pihak ketiga seperti petani yang bermodal kecil untuk dikerjakan. Selain itu, pedagang yang menyewakan ladang kepada petani juga membantu mereka memasarkan hasil tanaman ke negara jiran seperti Indonesia, China, Siam dan mengenakan cukai terhadap hasil tanaman tersebut.

PERDAGANGAN MANUSIA

Selain itu, dalam tempoh perkembangan ini juga, perdagangan manusia juga dijalankan oleh pedagang Cina sebagai salah satu cara untuk mengumpul modal. Perdagangan hamba yang berlaku pada tahun 1828 oleh pedagang Cina yang menjalankan perniagaan kain di pelabuhan asing, Sumatera amat berkait dengan perdagangan manusia di Pulau Pinang. Pada Jun 1828, sebuah jong Cina telah membawa 80 perempuan dan sampai di Pulau Pinang dari pantai barat Sumatera. Mereka mendapatkan perempuan ini dari Pulau Nias untuk dijadikan pelacur. Mereka telah dijual kepada pedagang Cina di bandar. Walaupun perdagangan manusia telah dihapuskan pada tahun 1807, namun kegiatan tersebut masih dijalankan secara haram. Seorang paderi Katholik, Mr. Boucho pernah membuat aduan bahawa perempuan muda telah dipaksa dan dibawa secara haram ke Pulau Pinang dengan jong untuk dijadikan pelacur di rumah pelacuran (Nordin Hussin 2007). Apabila disoal siasat, seorang perempuan Nias yang bernama 'Nahoa' telah mendedahkan bahawa jong yang membawa mereka telah membawa lebih daripada 80 orang perempuan untuk dijual sebagai hamba. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Nahoa, jong tersebut akan bertolak dari Nias ke beberapa pelabuhan Melayu di sepanjang pantai barat untuk menjual hamba-hamba ini. Kemudian, dari Aceh ke Pulau Pinang hanya tinggal 16 orang perempuan. Daripada 16 orang, 13 orang perempuan telah dijual dan tiga orang lagi masih tinggal bersama pedagang Cina. Pedagang Cina ini biasanya tidak melaporkan kepada pihak berkuasa sebab kedatangan perempuan-perempuan ini walaupun undang-undang menetapkan mereka harus melaporkan sebab kedatangan mereka (Nordin Hussin 2007). Apabila pihak berkuasa mendapati pedagang Cina membawa perempuan-perempuan ini, mereka akan menjelaskan perempuan tersebut merupakan orang gaji dan mungkin akan dijadikan isteri mereka apabila dewasa kelak.

Dalam sebuah siasatan lain pula, seorang perempuan telah mengatakan bahawa tiga jong Cina (Khung Joo, Soan Sing, dan Khim Ee) telah berlabuh di Pulau Nias. Perempuan-perempuan ini telah dipaksa menjadi pelacur dan menukar pakaian yang lucah. Jong Khung Joo telah menjual 70-80 orang hamba di pelabuhan tertentu. Kemudian, lapan (8) orang hamba telah dijual ke Pulau Pinang dan empat (4) lagi telah dimasukkan ke jong Soan

Sing. Bilangan hamba yang dibawa oleh Soan Sing tidak diketahui secara jelas dan hanya tahu mereka telah membawa lima orang hamba ke Pulau Pinang. Jong yang ketiga iaitu Khim Ee telah membawa 15 orang hamba ketika meninggalkan Nias. Walaupun begitu, didapati 10 daripadanya telah dijual di pantai Melayu dan hanya tinggal dua (2) orang hamba sahaja apabila mereka tiba di Pulau Pinang (Nordin Hussin 2007). Apabila semua hamba perempuan ini tiba di Pulau Pinang, 16 daripada mereka telah dibawa ke sebuah rumah milik pedagang yang bernama Sim Tikloco. Mereka juga mendapati rumah tersebut didiami oleh empat (4) orang wanita dan seorang budak perempuan. Semua hamba perempuan telah mengaku bahawa mereka dipaksa menjadi pelacur semasa persinggahan yang pendek di rumah tersebut. Apabila dijalankan siasatan lanjut, kesemua hamba perempuan didapati berasal daripada keluarga yang miskin. Hamba-hamba perempuan ini lebih rela menetap dan tinggal dengan pedagang Cina daripada balik ke kampung mereka disebabkan faktor kemiskinan. Oleh itu, jelas dilihat bahawa pedagang Cina telah memanipulasikan perdagangan manusia sebagai salah satu aktiviti untuk mereka mengaut keuntungan disebabkan wujudnya faktor potensi yang termasuk kerelaan wanita yang berkenaan sudi diperdagangkan. Namun demikian tidak dinafikan ada sesetengah daripada mereka diperdagangkan kerana ditipu oleh agen-agen tertentu.

Di samping itu, perbincangan mengenai tempoh perkembangan pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Piang juga termasuk mereka yang gagal dalam mengumpul modal. Mereka berhutang lambak akibat terjerumus dengan hutang candu, perjudian dan pelacuran. Mereka terpaksa bekerja seumur hidup dengan majikan untuk membayar hutang. Ada yang bekerja sehingga menghadapi penyakit pada usia tua. Namun, mereka tidak dibenarkan pulang ke kampung halaman di China dan akhirnya terpaksa menamatkan zaman tuanya di Negeri-negeri Selat. Situasi ini sering dilihat pada mereka yang berhutang kepada majikan mereka sama ada hutang candu, judi dan arak. Mereka yang berhutang ini seolah-olah ditakdirkan berkhidmat dan bekerja seumur hidup dengan majikan mereka. Situasi ini boleh dilihat dalam kalangan pelombong-pelombong Cina, misalnya, sekati candu berharga 75 sen. Peladang candu akan mengupah kerani untuk mencatatkan hutang candu oleh penghutang-penghutang ini (Ooi Kee Beng 2013). Walaupun kuantiti besar candu di seludup secara haram ke

pulau dari wilayah Melayu dan Seberang Perai, peladang mesti mendapatkan keuntungan yang besar untuk membayar kerajaan iaitu 2,680 dolar sebulan atau 32,160 dolar setiap tahun.

KESIMPULAN

Pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang pada tahun 1820-1867 bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor aset, potensi dan peluang, tetapi ia juga turut dipengaruhi oleh faktor kesukuan. Walau bagaimanapun, faktor aset merupakan faktor yang paling dominan sekali dalam mempengaruhi keupayaan orang Cina untuk mengumpul modal pada tempoh tersebut.

Selain itu, aktiviti pertanian dan perniagaan kecil dijalankan oleh kebanyakan orang Cina terutamanya golongan Singkeh. Namun aktiviti ekonomi yang lain seperti pemajakan cukai merupakan aktiviti dominan yang mendatangkan pendapatan lumayan kepada orang Cina serta menjadi punca pendapatan bagi negeri Pulau Pinang. Di samping itu, sesetengah peniaga Cina turut melibatkan diri dalam perdagangan manusia sebagai salah satu cara untuk mengumpul modal. Oleh itu, orang Cina pada tempoh perkembangan, tahun 1820-1867 mengumpul modal dengan cara yang halal dan tidak halal.

RUJUKAN

- Bauer, P. T. dan Yarmey, B. S. 1957. *The Economics of Under-Developed Countries*. Chicago: University Of Chicago Press.
- Tan Soon Chin
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak
E-mail: tansoonchin13@gmail.com
- Adnan bin Jusoh
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak
E-mail: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my
- Board's Collections. F/4/958/27166, Prince of Wales Island & c. 1827/8 Collections. No. 9, "Account of the cultivation of the island". Extract General Letter from Prince of Wales Island. 14 October, 1825.
- Brown, M. S. 1963. *A History of Penang 1805-1819*. Tesis doktor falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Clower, R. W. 1967. A reconsideration of the microfoundations of monetary theory. *Western Economic Journal* 6:207-208.
- Cushman, J. W. 1992. *Family and State: The Formation of a Sino-Thai Tin-Mining Dynasty 1797-1932*. *South-East Asian Historical Monographs*. USA: Oxford Universiti Press.
- Extract of Public Letter from POWI dated 31st July 1806. Para 32.
- Fine, B. dan Harris, L. 1979. *Rereading Capital*. London and Basingstoke: The Macmillan Press Ltd.
- Higgins, B. H. 1959. *Economic Development: Principles, Problems and Policies*. London: Constable and Co. Ltd.
- Lim Pui Huen. 2002. *Wong Ah Fook: Immigrant, Builder and Entrepreneur*. Singapore: Times Editions.
- Mak Lau Fong. 1981. *The Sociology of Secret Societies: A Study of Chinese Secret Societies in Singapore and Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mills, L. A. 1966. *British Malaya 1824-1867*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nik Hasnaa Nik Mahmood. 1997. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nordin Hussin. 2007. *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang*. Singapore: NUS Press.
- Ooi Kee Beng. 2013. Smoking Opium in Penang, 1854. *Penang Monthly*.
Phuket Gazette. 2013, June 1-7
- Porter, C. H. dan Fiske, W. P. 1935. *Accounting*. New York: Henry Holt & Co.
- Salma Nasution Khoo. 1993. *Streets of George Town Penang*. Penang: Janus Print & Resources.
- Tan Teong Jin, Ho Wah Foon dan Tan Joo Lan. 2005. *The Chinese Malaysian Contribution*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Tregonning, K. G. 1965. *The British in Malaya: The First Forts Years 1786-1826*. Tuscon: University of Arizona Press.

Diserahkan: 07 Mac 2016

Diterima: 17 April 2016